



27 OCT, 2021

Malaysia bakal keluar vaksin influenza halal untuk manusia menjelang 2024

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Kuala Lumpur: Menjelang 2024, Malaysia bakal mengeluarkan vaksin influenza untuk manusia berstatus halal menerusi kilang Malaysian Vaccines and Pharmaceutical (MVP) Sdn Bhd, bukan sahaja bagi pasaran tempatan, malah beberapa negara asing.

Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah Ibrahim berkata, vaksin itu akan tersedia dan diunjurkan pada tiga tahun pertama, sebanyak 10 juta dos vaksin kuantiti maksimum boleh dihasilkan.

Beliau berkata, langkah hasil inisiatif kerajaan itu relevan sebagai persediaan kesiapsiagaan vaksin negara sekiranya pandemik berlaku lagi pada masa akan datang.

"MVP menjangkakan mampu menghasilkan 10 juta dos menjelang tiga tahun bermulanya roll out pada 2024.

"Kami mempunyai ba-

Malaysia bakal keluar vaksin influenza halal untuk manusia menjelang 2024

ngunan dua lot kilang dan berbekalkan teknologi sama dan kepakaran kami menghasilkan vaksin haiwan, dalam tempoh kurang dari tiga tahun, kami mampu membekalkan vaksin manusia.

"Kami tiada masalah kerana kebanyakan pekerja di sini mempunyai kepakaran teknikal yang sangat tinggi," katanya pada Majlis Pertukaran Dokumen MVP dan St Petersburg Scientific Research Institutes For Vaccine And Serum Russia, di Puchong, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Setiausaha Mosti, Datuk Zainal Abidin Abu Hasan; Ahli Lembaga Pengarah MVP, bekas Ketua Pengarah Kesihatan Ke-



ADHAM (tengah) diiringi Pengerusi MVP, Datuk Dr Mohd Nordin Mohd Nor (dua dari kanan) dan Rashidah (kiri) melawat makmal pembuatan vaksin MVP di Puchong.

menterian Pertahanan Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Panglima Dr Amin Mus-

lan dan wakil Perdagangan Persekutuan Rusia, Nikita Ponomarenko.

Terdahulu, mereka melawat makmal pembuatan vaksin MVP di Puchong.



27 OCT, 2021

Malaysia bakal keluar vaksin influenza halal untuk manusia menjelang 2024

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kuala Lumpur: Men j e l a n g 2024, Malaysia bakal mengeluarkan vaksin influenza untuk manusia berstatus halal menerusi kilang Malaysian Vaccines and Pharmaseutical (MVP) Sdn Bhd, bukan sahaja bagi pasaran tempatan, malah beberapa negara asing. Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah Ibrahim berkata, vaksin itu akan tersedia dan diunjurkan pada tiga tahun pertama, sebanyak 10 juta dos vaksin kuantiti maksimum boleh dihasilkan.